

20/09/1997

PM beri ucapan akhir seminar

Hafifi Hafidz; Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan bagi mengakhiri seminar hari pertama esok, menjelang Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) yang akan bermula di sini, Selasa ini.

Perdana Menteri antara pemimpin dunia dan tokoh kewangan yang akan menjadi tumpuan dan diberi penghargaan untuk menyampaikan ucapan di seminar tiga hari itu yang dihadiri pakar ekonomi terkemuka dunia.

Dr Mahathir yang dijangka tiba di sini tengah hari esok, akan membentangkan ucapan bertemakan Asia Sebagai Peluang Dalam Ekonomi Dunia.

Seminar itu akan dibuka oleh Ketua Eksekutif Pentadbiran Hong Kong (SAR) Tung Chee-hwa.

Perdana Menteri dijangka diperkenalkan dalam ucapan pembukaan oleh Presiden Kumpulan Bank Dunia, James D Wolfensohn.

Pembiaya kewangan Amerika yang juga Pengerusi Soros Fund Management, George Soros mengakhiri seminar hari kedua manakala Naib Presiden China, Zhu Rongji pada hari Isnin.

Soros dijadualkan bercakap mengenai Integrasi Global.

(END)